



## KERATAN AKHBAR

AKHBAR	:	SINAR HARIAN			
TARIKH	:	19/4/2017	MUKA SURAT	:	41
JABATAN	:	JPS / BANJIR			
KLASIFIKASI	:	<b>PERHATIAN</b>			

# Ijok dilanda **banjir kilat**

Penduduk dakwa parit 'tertutup' akibat kerja pelebaran jalan

**IJOK** - Banjir kilat yang melanda Pekan Ijok selepas hujan lebat hampir dua jam pagi semalam, mengakibatkan beberapa kawasan utama dinaiki air termasuk rumah penduduk dan premis kedai.

Tinjauan Sinar Harian mendapati, beberapa kawasan rendah dinaiki air termasuk taman perumahan berhampiran jalan utama sehingga menjejaskan harta benda penduduk.

Ahli Majlis Daerah Kuala Selangor Zon 6B, Tan Kik Meng berkata, pihaknya dimaklumkan kawasan terjejas adalah di Kampung Baru Ijok dan Kampung Parit 7, Ijok.

Menurutnya, pihaknya tidak menafikan kawasan Ijok sering dilanda banjir kilat setiap kali hujan lebat lebih dua jam berikutan isu perparitan bermasalah sebelum ini dan sering menjadi aduan penduduk.

"Bagaimanapun kemungkinan banjir kilat bertambah buruk berikutan kerja pelebaran jalan yang giat dilaksanakan di kawasan itu sehingga mengakibatkan parit tertutup. Parit tanah didakwa tertutup sehingga menyebabkan limpahan air berlaku di jalan utama kerana tidak dapat mengalir sempurna," katanya.

Kik Meng turut memanjang isu sama kepada pihak berwajib supaya musibah banjir kilat dapat diberi perhatian sewajarnya dan tidak berulang lagi pada masa akan datang.

"Sudah menjadi harapan penduduk supaya isu banjir



Skuad Pantas membersihkan sampah dalam longkang untuk melancarkan aliran air.

kilat ini dapat diselesaikan sebaik mungkin dan jika berpunca daripada parit 'tertutup,' saya berharap pihak berkenaan dapat memastikan parit sedia ada diselenggarakan. Orang ramai juga boleh membuat aduan terus menerusi aplikasi sistem aduan SPARKS bagi memudahkan MDKS mengambil tindakan," katanya.

Sebelum ini, isu banjir kilat di Pekan Ijok dan kawasan kampung berhampiran setiap kali hujan lebat berikutan masalah sistem perparitan tidak sempurna pernah dibangkitkan Adun Ijok, Dr Idris Ahmad.

Menurutnya, sistem perparitan yang tidak mengikut spesifikasi yang betul menyebabkan air sentiasa bertakung dan masalah men-

jadi lebih buruk ketika hujan lebat.

Menurutnya, masalah sama sering dibangkitkan saban tahun dalam mesyuarat peringkat daerah mahupun sidang dewan namun sehingga kini masih belum ada perkembangan positif.

"Hasil tinjauan mendapati, sistem longkang yang ada di kawasan maksudnya aliran air masih bertakung walaupun tengah musim panas ketika ini. Saya tengok longkang tak sekata menyebabkan air tak boleh mengalir dengan baik dan bila hujan, air melimpah ke jalan dan kawasan kedai macam kes banjir kilat baru-baru ini," katanya.

Dr Idris menegaskan, isu menuding jari dan sukar menyelesaikan masalah

menjadi halangan kepadanya untuk melihat isu sistem perparitan di kawasan Dun Ijok diselesaikan.

"Macam ada unsur 'sobotaj' saja bila saya bangkitkan isu ini sebab masing-masing tolak-tolak dan kata bukan kawasan seliaan mereka. Jadinya, masalah ni beri kesan kepada rakyat. Nak kata tiada peruntukan, mustahillah sebab isu ini sudah lama. Bukan saja di Ijok tapi tempat lain pun ada juga.

"Kena ada pelan jangka pendek atau jangka panjang untuk selesaikan isu ini. Kalau biarkan isu air bertakung terus berlarutan, masalah lain pula timbul seperti wabak denggi sebab ada kes yang dilaporkan di kawasan Ijok. Kes denggi bukan boleh dibawa main," katanya.